



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

### KEMBARA SAINS BORNEO SIRI 2 TAHUN 2023 : PUSAT SAINS NEGARA, MOSTI BAWA PENGALAMAN PUSAT SAINS KEPADА KOMUNITI LUAR BANDAR

---

**KIMANIS, 15 September 2023** – Pusat Sains Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan program Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI) bertempat di Dewan Kesenian Islam, Membakut, Sabah.

Majlis perasmian program dihadiri bersama oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin Bin Datuk Haji Mohd. Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI).

Berucap di Majlis Perasmian **Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023**, Timbalan Menteri MOSTI, YB Datuk Arthur Joseph Kurup berkata, “Pelaksanaan Kembara Sains Borneo (KSB) Siri. 2 merupakan inisiatif di bawah payung besar Minggu Sains Negara (MSN) yang kita bawakan khusus untuk rakyat Sabah. KSB Siri 1 telah berjaya dilaksanakan oleh Akademi Sains Malaysia pada 21 Ogos 2023 sehingga 23 Ogos 2023 di Kota Marudu, Pitas dan Kudat. Manakala, Kembara Sains Borneo Siri. 2 ini dilaksanakan oleh Pusat Sains Negara (PSN) bermula pada 15 September 2023 sehingga 1 Oktober 2023 dengan menjelajah ke tiga (3) lokasi iaitu Kimanis, Kalabakan dan Pensiangan. Kita mensasarkan sejumlah 20 ribu pengunjung akan menyertai ketiga-tiga siri Kembara Sains Borneo ini.”

“Pada tahun ini, Kimanis telah dipilih sebagai lokasi pertama Program Kembara Sains Borneo Siri. 2 Tahun 2023 ini. Program dalam bentuk jelajah ini dibawakan secara terus kepada komuniti setempat mulai 15 September 2023 lagi di sini dan program ini seterusnya akan menjelajah ke dua lagi lokasi iaitu daerah Kalabakan dan Pensiangan Sabah.”

“Penganjuran Program Kembara Sains Borneo Siri 2. Tahun 2023 ini adalah sejajar dengan matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (DSTIN) dalam memacu Malaysia ke arah sebuah negara yang lebih berdaya saing melalui STI yang kukuh. Antara matlamat utama program ini adalah untuk mendekati masyarakat terutamanya golongan muda, khususnya pelajar, bagi memupuk minat sekali gus meningkatkan populariti bidang STI.”

Kembara Sains merupakan Program Khas PSN yang telah dilaksanakan sejak 2015. Program ini diperkenalkan sebagai platform bagi PSN mendekati pelajar dan komuniti kawasan luar bandar. Tujuan program ini diperkenalkan adalah untuk memupuk minat dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui kaedah pembelajaran interaktif.

Melalui program ini, PSN akan melaksanakan pelbagai aktiviti interaktif yang menarik berkonsepkan *Hands On, Minds On, Hearts On* selaras dengan usaha memperkenalkan pembelajaran sains tidak formal berkonsepkan STEM kepada masyarakat.

Bertemakan “Sains Itu Menyeronokkan”, Pusat Sains Negara membawakan pengalaman sesebuah Pusat Sains kepada komuniti setempat di kawasan Kimanis, Kalabakan dan Pensiangan Sabah. **Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 ini akan berlangsung bermula 15 September 2023 di Dewan Kesenian Islam Membakut, 22 September 2023 di Dewan Semai Bakti, Felda Gugusan Umas, Tawau dan 29 Ogos 2023 di Dewan Serbaguna Majlis Daerah Nabawan dan Pentas Terbuka Majlis Daerah Nabawan, Pensiangan pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**

Pelaksanaan Program Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 anjuran Pusat Sains Negara, MOSTI mendapat sokongan padu daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah (KSTI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Daerah Membakut, Pejabat Daerah Kalabakan, dan Pejabat Daerah Nabawan.

Antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang penjelajahan Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 adalah *Hot Choco STEM Talk* daripada saintis-saintis terkenal, *Kinect Sports, Drone Challenge, Demonstrasi Sains, Let's Xperiment, STEM Challenge*, Mini Planetarium dan *Planet Virtual Reality* daripada Planetarium Negara dan banyak lagi. Pelbagai hadiah menarik juga akan disediakan.

PSN juga membawakan bahan pameran interaktif bernilai hampir RM2 juta yang dibawakan khas daripada Kuala Lumpur bagi memberi pengalaman kepada semua peringkat masyarakat supaya dapat merasai keseronokan pembelajaran sains, teknologi dan inovasi (STI).

Selain daripada itu, PSN juga akan mengadakan program sampingan (*side program*) ke sekolah-sekolah terpilih di lokasi Kembara Sains Borneo Siri Dua, 2023 diadakan. Melalui program sampingan ini, PSN memberikan perasaan ingin tahu (*teaser*) kepada pelajar dan guru dan seterusnya dapat memberikan keseronokan pengembaraan sains bersama-sama. Antara aktiviti yang akan diadakan adalah Persembahan Sains dan Aktiviti Sains Ringkas.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**15 September 2023**

**Kit Media :**

<https://drive.google.com/drive/folders/1hyLb22lTFFymiToIC4REPhK4mKgak9k?usp=sharing>

**Maklumat Lanjut :**

**YM Tengku Mohd Hazimi Bin Tuan Hassan (011-25045047)**

**Penolong Pengarah**

Unit Pendidikan

PUSAT SAINS NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**Hafizah Kher (017-2156862)**

**Penolong Pengarah**

Unit Komunikasi Korporat

PUSAT SAINS NEGARA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**Tentang Pusat Sains Negara (PSN):**

Pusat Sains Negara telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 1996 dengan matlamat melahirkan generasi penyumbang dalam bidang sains dan teknologi, sekaligus membina masyarakat yang berbudaya sains. PSN juga merupakan sebuah institusi yang menerapkan pembelajaran dan pengajaran sains tidak formal. Untuk maklumat lanjut dan maklumat terkini, sila layari laman sesawang berikut [www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)